




Majlis Perutusan NAIB CANSOLOR 2011



Transformasi Berfokuskan Strategi Mencipta Keunggulan Universiti Teknikal

Bagi menyampaikan amanat Naib Canselor kepada seluruh warga kerja UTeM untuk tahun 2011 maka satu Majlis Perutusan Naib Canselor telah diadakan di Dewan Besar Kampus Induk Durian Tunggal.

Majlis yang dihadiri kira-kira 1,000 orang kakitangan pelbagai jabatan merupakan satu platform bagi menyampaikan hasrat dan aspirasi serta peranan yang perlu dimainkan oleh warga UTeM agar lebih komited dan bertanggungjawab dalam memperkukuhkan proses transformasi bagi menjulang nama universiti ke peringkat yang lebih gemilang.

Melalui perutusan yang bertemakan "Transformasi Berfokuskan Strategi: Mencipta Keunggulan Universiti Teknikal", Naib Canselor menyeru kepada seluruh warga kerja UTeM agar terus meningkatkan lagi usaha inovasi dan sentiasa mencipta atau melaksanakan sesuatu yang di luar kebiasaan. Pemikiran secara kreatif dan inovatif adalah selari dengan hasrat UTeM menuju ke arah status pengiktirafan sebagai sebuah universiti bertaraf Accelerated Programme for Excellence (APEX) dalam bidang teknikal.

Melalui perutusan tersebut, Naib Canselor juga mengumumkan penubuhan satu lagi fakulti baru iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) yang akan menawarkan 10 kursus baru dan proses pengambilan pelajar bagi fakulti ini akan bermula pada bulan September tahun ini. Seramai 570 orang pelajar dijangka mengikuti program di FTK nanti. Untuk rekod, UTeM merupakan universiti teknikal yang pertama di kalangan universiti teknikal yang lain di Malaysia yang menubuhkan fakulti seumpamanya.

Sehubungan itu UTeM juga akan terus menggiatkan lagi usaha yang lebih proaktif dalam meraih sebahagian besar geran penyelidikan yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun ini yang berjumlah keseluruhannya sebanyak RM 700 juta.

Dalam pada itu, Naib Canselor turut menjelaskan dengan terperinci kaedah pendekatan Balanced Scorecard (BSC), sebagai satu instrumen pengurusan prestasi bagi mewujudkan organisasi yang membudayakan prestasi tinggi. UTeM menggunakan pendekatan BSC dalam usaha untuk memperkukuhkan operasi dan budaya korporat bagi mewujudkan sistem pengurusan berdasarkan prestasi pada semua peringkat organisasi.

Perutusan tersebut diakhiri dengan harapan daripada Naib Canselor agar semua warga kerja UTeM sentiasa fokus terhadap segala usaha yang dirancang demi memartabatkan keunggulan universiti teknikal yang dicintai.

BERITA
MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI

LG
173
.M44
.B47
2011
a
Jan



9771985 47 0003

KANDUNGAN

Majlis Perutusan Naib Canselor 2011 | Seruan Mantan Perdana Menteri Jadi Azimat 5,000 Belia | TYT Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob Adakan Lawatan Kerja ke UTeM | UTeM & Malaysia Automotive Industry Rangka Hubungan Dua Hala | UTeM Hos Mesyuarat Program Campus Connect KPT-Western Digital | UTeM Dilantik Sekretariat Pertandingan Imagine Cup 2011 | UTeM Terima Lawatan Sirim QAS International | Duta Jerman Ke Malaysia Puji Penganjuran German Day | Pelajar Wilayah Jiangu China Tertarik Keindahan Kampus UTeM | UTeM Sertai Pameran Pengajian Tinggi Di Brunei | Klik - klik 2010 | UTeM Antara IPTA Terawal Laksanakan Skim Ex-Gratia | Lebih 18,000 Serbu Karnival 'Jom Masuk U' Di Melaka | Suria FM Jelajah UTeM Cari Band Kampus Terbaik 2011 | PERHEBAT Tinjau Kemudahan Makmal UTeM | FTMK UTeM Anjur Kem Gempur Siri 1 | Pusat Sukan Anjur Klinik Memanah | Program 3P Anjuran FPTT UTeM Bentuk Imej Bakal Pengurus Korporat | Pelajar UTeM Menjadi Pilihan Syarikat Antarabangsa Western Digital | Pintar Siri 1/2011 - Perpustakaan | Unit Latihan Anjur Kursus Pengendalian Kenderaan Berkesan | Berita Kelahiran & Perkahwinan | Logo SUKUM 36 Diperkenalkan | Sukan Antara Jabatan 2011 : FKP Juara Acara Sepaktakraw | Personaliti Pilihan





Duta Jerman ke Malaysia Puji Penganjuran

German Day di UTeM



Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi
Bin Yusoff

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Suria Binti Abdul Rahman
Ahmad Saufie Bin Jaffar

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Al Rohaiya Binti Adanan
Manisah Binti Kamarudin
Nurizzah Aliah Binti Malek Abdulah
Mohd Hanafie Bin Saip
Nor Sabrina Binti Mohd Dali
Rabea'tul Adawiyah Binti Zakariah

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM ?
Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my



Duta Jerman ke Malaysia H.E. Dr. Gunter Gruber yang merasmikan program 'German Day' di Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal memberikan pujian terhadap kesungguhan pihak universiti dalam menganjurkan acara yang julung kali diadakan di sini. Beliau juga mengumumkan bahawa penganjuran 'German Day' di UTeM merupakan yang terbaik setakat ini.

H.E. Dr. Gunter Gruber berkata demikian ketika dalam ucapan perasmian di Dewan Besar UTeM di hadapan kira-kira 1,000 orang pelajar, ahli-ahli akademik dan tetamu kenamaan yang dijemput hadir ke majlis itu.

Pada sidang media yang dianjurkan seurus majlis berakhir, Dr. Gunter Gruber melahirkan perasaan gembira kerana mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak universiti bagi merealisasikan program tersebut. Kata beliau, "UTeM merupakan antara universiti terbaik di negara ini yang memelopori bidang kejuruteraan teknikal, maka dengan itu pemilihan UTeM sebagai tuan rumah bagi program ini amatlah bersesuaian dan tepat".

Program 'German Day' yang berlangsung di UTeM berjaya menghimpunkan gergasi industri dari negara Jerman yang beroperasi di negara ini seperti Infineon Technologies, Siemens Malaysia, Muehlbauer, Q-Cell, BMW Group serta agensi pendidikan negara Jerman. Tapak pameran yang disediakan memberi ruang kepada pengunjung terutama sekali pelajar tahun akhir untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai peluang-peluang pekerjaan di syarikat-syarikat tersebut.

Terdahulu, Dr. Gunter Gruber menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman di antara UTeM dan Infineon Technologies yang memberi penekanan kerjasama strategik dalam bidang latihan teknikal dan penyelidikan.

UTeM & Malaysia Automotive Industry Rangka Hubungan Dua Hala

Satu mesyuarat di antara UTeM dan Malaysia Automotive Institute (MAI) telah diadakan di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini bagi membincangkan beberapa program yang boleh dilaksanakan secara usahasama.

MAI merupakan sebuah organisasi yang bukan berorientasikan keuntungan di bawah naungan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah ditubuhkan bagi memberi tumpuan utama dalam perkembangan aktiviti automotif dalam negara.

Menurut Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan berkata, antara objektif utama mesyuarat ini diadakan adalah untuk mengadakan beberapa program secara bersama menerusi program pembangunan sumber manusia antaranya menerusi program Industry Led Automotive Graduate Apprenticeship dan program Digital Engineering & Prototyping.



UTeM-Hos Mesyuarat Program Campus Connect KPT-Western Digital

Susulan majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) program 'Campus Connect' antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan syarikat gergasi dari Amerika Syarikat Western Digital (WD) pada hujung tahun lalu maka satu mesyuarat kerja Program Campus Connect KPT – Western Digital telah diadakan baru-baru ini di UTeM yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh perwakilan yang mewakili KPT, WD dan wakil institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain antaranya dari Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Politeknik, Kolej komuniti serta UTeM selaku urusetia bagi program ini.

Menurut Prof Dato' Dr Kadim selaku pengerusi bagi program ini berkata, mesyuarat kerja ini bertujuan untuk merancang dan melaksanakan beberapa agenda penting dan utama bagi memastikan kejayaan bagi program ini secara menyeluruh dan berkesan.

UTeM sekali lagi diberi kepercayaan sebagai sekretariat pertandingan Imagine Cup 2011 peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Microsoft Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT).

Perkara tersebut diumumkan pada sidang media yang berlangsung di KLCC baru-baru ini. Pada sidang media yang sama, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan diumumkan sebagai Pengerusi pertandingan Imagine Cup 2011 yang akan berlangsung di Kuching, Sarawak pada bulan Mei 2011.

Imagine Cup peringkat kebangsaan merupakan pertandingan inovasi perisian atau 'software' yang dianjurkan oleh Microsoft Malaysia bagi memilih wakil negara ini untuk ke peringkat akhir yang bakal berlangsung pada bulan Julai ini di New York, Amerika Syarikat.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah KPT Prof. Dr. Rujhan bin Mustafa berkata, pertandingan sebegini merupakan medan untuk mengasah bakat pelajar-pelajar IPT untuk menjadi lebih berdaya saing serta meningkatkan kebolehpasaran mereka selepas tamat pengajian nanti.

UTeM Dilantik Sekretariat Pertandingan

imagine cup MALAYSIA 2011



UTeM Terima Lawatan SIRIM QAS International



UTeM telah menerima lawatan daripada SIRIM QAS International di Kampus Induk baru-baru ini. Lawatan ini telah dihadiri oleh tiga orang pegawai auditnya dan telah disambut baik oleh pihak pengurusan UTeM dan juga kakitangan daripada Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi (PJKA) UTeM.

Menurut Pengarah PJKA iaitu Prof Madya Shahdan Md Lani berkata antara tujuan utama lawatan tersebut antaranya adalah untuk melaksanakan proses pengauditan bagi pensijilan semula MS ISO 9001:2008 dalam iaitu skop pengajaran dan pembelajaran bagi program pra siswazah di UTeM.

Mengikut rekod, UTeM telah berjaya memperolehi pensijilan ISO 9001 buat kali pertamanya pada bulan Februari 2005 dan proses pensijilan semula dilaksanakan setiap tiga tahun iaitu di mana UTeM telah berjaya mendapatkan pensijilan semula pada tahun 2008 dan kini dalam proses pensijilan semula pada tahun 2011.

Program Pintar Siri 1/2011 Bentuk Warga Perpustakaan Ke Arah Semangat Berpasukan

Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) Siri 1/2011 yang diadakan di Port Dickson baru-baru ini berjaya menyuntik semangat warga Perpustakaan ke arah budaya kerja yang berprestasi tinggi.

Naib Canselor, Y. Bhg. Prof Datuk. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan hadir merasmikan program tersebut. Melalui ucapannya, beliau menyeru semua peserta agar menghayati semua aktiviti yang dijalankan dan bersedia untuk berubah demi kecemerlangan universiti.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tiga hari program itu berlangsung. Aktiviti wajib PINTAR iaitu berakit telah memberi cabaran getir pada kali ini apabila peserta terpaksa meredah ombak laut Selat Melaka untuk menamatkan perlumbaan.

Turut dimuatkan kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan, teknik berfikir secara kreatif serta pemupukan nilai-nilai kerohanian. Program yang dianjurkan oleh Unit Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) itu juga mendapat sokongan daripada pegawai-pegawai kanan UTeM yang hadir sebagai fasilitator untuk membimbing para peserta.



Unit Latihan anjur Kursus Pengendalian Kenderaan Berkesan

Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia UTeM telah mengadakan Kursus Pengendalian Kenderaan Berkesan yang dihadiri oleh 45 orang pemandu kenderaan universiti ini. Kursus tersebut dilaksanakan dengan tujuan untuk memberi latihan berterusan kepada pemandu kenderaan universiti mengenai teknik-teknik yang perlu diketahui demi mengurangkan risiko berlakunya perkara yang tidak diinginkan.

Kursus yang dijalankan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPI) serta PUSPAKOM. Wakil-wakil daripada organisasi tersebut telah menyampaikan ceramah kepada peserta kursus serta berjaya menyalurkan panduan berguna yang boleh dipraktikkan kelak.

Menurut Penolong Pendaftar di Unit Latihan UTeM, Sahlizam bin Maamin berkata, kursus yang dianjurkan bukan sahaja memberi pendedahan dari aspek teknikal malah ianya juga mengajar peserta untuk mengamalkan pemanduan dengan penuh berhemah. Tambah beliau, pemanduan berhemah amat dititikberatkan kerana ia adalah perkara paling utama yang perlu ada dalam diri seorang pemandu.



UTeM SERTA PROMOSI PENGAJIAN TINGGI di BRUNEI

Pejabat Antarabangsa dan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) baru-baru ini menyertai pameran pendidikan tinggi di Brunei bagi menarik penyertaan pelajar-pelajar dari negara berkenaan. Pameran pendidikan tersebut merupakan antara pameran yang terbesar di Brunei dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

Menurut Ketua Penolong Pendaftar Pejabat Antarabangsa, Sharifah Nurul Faridah berkata, penyertaan UTeM ke pameran tersebut adalah untuk memperkenalkan jenama UTeM sebagai universiti teknikal pertama di negara ini. Di samping itu, penyertaan kali ini adalah untuk mempromosikan kursus-kursus pasca siswazah kepada pelajar yang berminat.

Katanya lagi, pameran tersebut turut disertai oleh 17 institusi pengajian tinggi Malaysia yang menawarkan hampir 1,000 jenis kursus meliputi pengajian peringkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah daripada pelbagai bidang kepada pengunjung.

Pelajar Wilayah Jiangsu China Tertarik *Keindahan Kampus* UTeM

Seramai 19 orang pelajar institusi pengajian tinggi dari Wilayah Jiangsu China mengunjungi Kampus Induk UTeM dalam rangka program pertukaran pelajar yang dianjurkan oleh Kerajaan negeri Melaka dengan kerajaan wilayah tersebut.



Bagi Wu Jun Wei, 24 tahun dari Yangzhou University melahirkan perasaan bertuah kerana terpilih mengikuti program ini yang bertujuan mengeratkan hubungan pelajar dari kedua-dua negeri. Katanya, "UTeM memiliki kelebihan dalam bidang pengajian teknikal yang begitu khusus. Tidak dinafikan kampus ini mempunyai lanskap yang menarik serta pemandangan yang sangat indah. Sambutan yang diberikan amat mesra dan kami berasa sungguh gembira mengikuti program ini."

Sementara itu, Pengarah Pejabat Antarabangsa UTeM, Prof. Dr. Nanna Suryana berkata, "Program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Melaka ini membuka ruang yang lebih luas untuk menjalinkan hubungan erat dengan universiti-universiti di China yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang untuk dikongsi bersama. Melalui program sebegini, pelajar-pelajar di antara kedua-dua buah negara juga mendapat banyak manfaat untuk memperkayakan ilmu pengetahuan mendalami kebudayaan asing dengan lebih dekat lagi", katanya.



Memartabatkan UTeM Universiti Bertaraf Dunia

Koleksi foto-foto kejayaan & aktiviti UTeM sepanjang 2010



Membina Kecemerlangan Melalui Penyelidikan & Inovasi

Koleksi foto-foto kejayaan & aktiviti UTeM sepanjang 2010



KIK'10





KIK 2010

UTeM Menyediakan Modal Insan Berpengetahuan dan Bersahsiah Tinggi



UTeM Antara IPTA Terawal Laksanakan Skim EX-GRATIA

UTeM telah mengadakan satu majlis penyampaian pampasan ex-gratia bencana kerja kepada waris kakitangan yang terlibat di kampus induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Menurut Pendaftar UTeM En Hasan bin Sirun berkata, tujuan diadakan majlis ini adalah selaras dengan matlamat asal skim ex-gratia untuk membantu pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dengan kemalangan semasa menjalankan tugas rasmi sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian.

Majlis penyampaian pampasan ex-gratia telah disampaikan oleh Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan kepada waris bagi tiga kes yang melibatkan Gemulah Norhayati binti Ibrahim bekas Juruaudit, Gemulah Zulkifli bin Md. Din bekas pemandu dan Gemulah Mohd Fauzee bin Hashim yang merupakan bekas Penolong Pegawai Seni Reka.



PERHEBAT Tinjau Kemudahan Makmal UTeM

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) telah mengadakan lawatan ke UTeM di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini. PERHEBAT merupakan organisasi penyedia latihan kemahiran kepada bakal dan pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebelum mereka menjalani kehidupan sebagai orang awam.

Lawatan PERHEBAT ini telah diketuai oleh Pengarah iaitu Haji Hassan Jantan bersama tujuh orang pegawainya. Delegasi ini telah disambut oleh kakitangan UTeM dari Pejabat Perancangan & Komunikasi Korporat (PPKK) dan pihak Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP).

Antara objektif lawatan tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan pendedahan tentang kemudahan latihan dan kursus-kursus yang ditawarkan di UTeM. Sehubungan itu ianya juga untuk membantu PERHEBAT merancang peningkatan modul bagi kursus-kursus yang sedang dijalankan supaya pelatih-pelatih PERHEBAT mendapat manfaat melalui peningkatan pengiktirafan kemahiran dan peluang pekerjaan yang lebih luas. Selari dengan itu PERHEBAT juga dalam proses ke arah penubuhan kolej universiti menjelang tahun 2015.



Lebih 18,000 SERBU KARNIVAL 'JOM MASUK U' di MELAKA



Karnival Pengajian Tinggi Negara yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan tema 'Jom Masuk U' telah mencatat kehadiran kira-kira lebih 18,000 orang pelawat sepanjang dua hari program tersebut berlangsung di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di Ayer Keroh Melaka.

Karnival 'Jom Masuk U' di Melaka telah dihoskan oleh UTeM, di mana ianya merupakan destinasi kedua selepas Terengganu yang menjadi tuan rumah kepada pembukaan program tersebut pada minggu sebelumnya.

Karnival 'Jom Masuk U' di MITC Melaka menghimpunkan 150 tapak pameran daripada IPTA dan IPTS seluruh negara termasuk agensi-agensi yang bernaung di bawah KPT dan KPM. Antara yang mengambil bahagian ialah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan stesen Radio Melaka FM yang membuat lintas langsung mengenai perjalanan karnival serta hebahan untuk pendengar di seluruh Melaka dan Negeri Sembilan.

SURIA FM 'serbu' UTeM cari BAND KAMPUS TERBAIK 2011

Kampus Induk UTeM digegarkan dengan kehadiran krew stesen radio Suria FM yang menjelajah ke seluruh kampus di negara ini bagi mempromosikan program 'Suria Showdown – Band Kampus Terbaik 2011' untuk memilih kumpulan muzik terbaik dalam pertandingan yang dianjurkan oleh stesen radio tersebut.

Kehadiran krew Suria FM di perkarangan Bangunan Persatuan Pelajar di Kampus Induk Durian Tunggal telah menarik perhatian kira-kira lebih 100 orang pelajar UTeM untuk menyertai beberapa aktiviti yang diadakan. Lebih menarik apabila krew Suria FM mengedarkan pelbagai cenderahati yang menjadi rebutan pelajar-pelajar yang hadir.

UTeM menjadi destinasi pertama di negeri Melaka bagi krew Suria FM mempromosikan pencarian bakat ini yang bermula pada 29 Januari nanti di beberapa lokasi seluruh negara. Suria FM yang terlibat amat berpuashati terhadap sambutan yang diberikan serta mengharapkan penyertaan pelajar-pelajar UTeM bagi memeriahkan lagi pertandingan tersebut.



FTMK UTeM *Anjur* Kem Gempur Siri 1/2011

Demi melahirkan graduan yang unggul dalam semua aspek, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah mengambil inisiatif menganjurkan Kem Gempur Siri 1/2011 untuk 50 orang pelajar fakulti berkenaan baru-baru ini.

Program ini bertindak sebagai platform untuk mengeratkan hubungan antara pelajar dan warga kerja fakulti yang diterajui oleh Dekan, Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin. Melalui aktiviti yang dijalankan, pelajar-pelajar dibimbing untuk memaksimumkan potensi diri agar dapat mengecapi kejayaan yang diimpikan.

Melalui program yang dianjurkan pelajar-pelajar diberi peluang untuk berinteraksi dengan Ketua Jabatan dengan mengemukakan sebarang permasalahan yang dihadapi untuk dikongsi dan mengambil langkah sewajarnya untuk mengatasi kelemahan tersebut. Sesi itu mendapat respon yang sangat positif di mana pelbagai cadangan dan pandangan dikemukakan dengan harapan penambahbaikan dapat dilaksanakan untuk manfaat bersama.

Turut diadakan aktiviti luar yang ternyata memberi pengalaman baru kepada pelajar-pelajar antaranya explorace dan night walk. Kepuasan jelas terpancar di wajah peserta dan ketika ditemui di penghujung program mereka bertekad untuk membuktikan kemampuan diri dengan mencapai keputusan yang cemerlang pada semester yang mendatang.



Program 3P *anjur*an FPTT UTeM Bentuk Imej Bakal Pengurus Korporat

Dalam usaha melahirkan graduan yang berketrampilan maka Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) UTeM telah mengadakan bengkel Program 3P yang berfokus kepada penampilan, pengurusan dan perniagaan di Port Dickson baru-baru ini.

Menurut Dr Mohd Nor Hayati Dekan FPTT antara objektif utama diadakan program sebegini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran aspek penampilan diri, aspek pengurusan dan kemahiran yang tinggi dalam selok belok perniagaan secara menyeluruh.

Bengkel Program 3P yang dijalankan selama tiga hari ini telah disertai 82 orang pelajar tahun satu FPTT.





Pusat Sukan UTeM *anjur* Klinik Memanah

Pusat Sukan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM telah mengadakan klinik memanah kepada 40 orang pelajar yang meminati sukan ini di padang UTeM Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru.

Klinik yang diadakan dua hari ini diadakan bagi melatih ahli-ahli kelab memanah UTeM serta mencungkil bakat-bakat baru bagi mewakili universiti dalam pelbagai pertandingan yang akan datang.

Klinik tersebut dikendalikan oleh dua orang jurulatih bertauliah dari Wilayah Persekutuan dan juga Melaka. Kedua-dua jurulatih tersebut pernah melatih skuad SUKMA negeri masing-masing pada kejohanan SUKMA berlangsung di Melaka tahun lepas. Latihan dari segi aspek teori dan praktikal telah dijalankan bagi memantapkan prestasi peserta yang mengambil bahagian.



Pelajar UTeM Menjadi Pilihan Syarikat Antarabangsa **Western Digital**

UTeM telah dipilih sebagai salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam menyumbang tenaga kerja mahir dan profesional bidang kejuruteraan untuk syarikat Western Digital (WD). Sehubungan itu maka pihak WD telah mengadakan Hari Kerjaya di Kampus Induk Durian Tunggal.

Seramai 42 orang pelajar tahun akhir dari lima buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Maklumat (FTMK) telah dipilih untuk menjalani sesi temuduga bagi menjawat jawatan teknikal di WD.

Ternyata pelajar UTeM sememangnya menjadi pilihan kepada pihak industri kerana graduan yang dihasilkan universiti ini memiliki kriteria dan kompetensi sebagai jurutera profesional dalam bidang teknikal yang diperlukan sektor industri di negara ini.

Logo SUKUM Ke-36 Diperkenalkan

UTeM menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) ke-36 yang akan dilangsungkan pada bulan Julai tahun ini. Temasya sukan yang penuh kegemilangan ini akan melibatkan seluruh universiti awam dalam negara.

Sehubungan itu UTeM telah melaksanakan mesyuarat Jawatankuasa Pengelola SUKUM 36 baru-baru ini di Kampus Induk Durian Tunggal yang dipengerusikan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan dalam membincangkan beberapa tindakan susulan ke arah persiapan yang terancang.

Pada mesyuarat kali ini pihak jawatankuasa juga telah berbincang, memilih serta bersetuju untuk memperkenalkan logo SUKUM 36 sebagai lambang dan semangat kesukanan antara seluruh universiti awam dalam negara ini.

Rasionalnya logo SUKUM 36 dibentuk berdasarkan beberapa aspek seperti semangat kesukanan, kerja berpasukan, disiplin dalam sukan serta menghormati pasukan lawan. Selain itu ianya melambangkan semangat berjuang dan berjaya dalam sukan.



Sukan Antara Jabatan 2011: FKP JUARA ACARA SEPAKTAKRAW

Kehangatan Sukan Antara Jabatan (SAJ 2011) kini mula terasa di kalangan warga UTeM. Setiap acara yang dipertandingkan mendapat sambutan yang hangat daripada semua pihak. Baru-baru ini telah berlangsung kejohanan sepaktakraw di Dewan Sukan UTeM yang menyaksikan pertembungan kuasa-kuasa besar sukan itu bagi merebut gelaran juara.

Persaingan sengit daripada setiap pasukan yang bertanding menjadikan laluan ke peringkat akhir semakin sukar. Setelah berhempas pulas menghadapi lawan yang handal, pasukan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) regu A berjaya meraih tempat ketiga melalui gandingan Dr. Mohd Khanapi bin Abd. Ghani, Mohd Firdaus bin Abu Bakar, Dr. Abd. Samad bin Hasan Basari dan Fahrulrazi bin Saji.

Tempat kedua pula dirangkul oleh pasukan yang telah menunjukkan kemahiran tinggi sepanjang perlawanan iaitu pasukan Canselori regu B. Cabaran pasukan Canselori diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan di samping pemain-pemain berbakat seperti Norhaizat bin Ramli, Mohamad Akhir bin Yawah dan Azman bin Azahari.

Manakala johan bagi acara sepaktakraw SAJ 2011 dinobatkan kepada Fakulti Kejuruteraan Pembuatan regu A melalui gandingan hebat Mohd Ghazalan bin Mohd Ghazi, Nizamul Ikkal bin Khaeruddin, Abdul Rahman bin Kamis dan Mazlan bin Mehat.

Sekalung tahniah buat semua pemenang yang telah berusaha bersungguh-sungguh memastikan kemenangan menjadi milik pasukan masing-masing.



Lahniah

Kelahiran

Nama Staf : **Mawarni binti Manan**
PTJ : PBPI

Nama Anak : **Muhammad Ammar Asyraf**
bin Ramlan
Tarikh Lahir : 2 Januari 2011

Nama Staf : **Faradilla binti Md. Yusof**
PTJ : Penerbit Universiti

Nama Anak : **Muhammad Fayyadh Adni**
bin Raizan Fazly
Tarikh Lahir : 4 Januari 2011

Nama Staf : **Mohd Azman bin Abdullah**
PTJ : FKM


Nama Anak : **Afeefa Falah Binti Mohd Azman**
Tarikh Lahir : 10 Januari 2011

Nama Staf : **Khalid bin Pandi@Selamat**
(Pusat Komputer) &

Nor'emylia binti Mohamed (PPKK)
Nama Anak : **Zarief Irfan bin Khalid**
Tarikh Lahir : 26 Januari 2011

Nama Staf : **Shamsul Fakhar bin Abd Gani**
PTJ : FKEKK

Nama Anak : **Nur Irdina Qaisara binti**
Shamsul Fakhar
Tarikh Lahir : 30 Januari 2011




Muhammad Ammar Asyraf



Muhammad Fayyadh Adni



Afeefa Falah



Zarief Irfan



Nur Irdina Qaisara

Perkahwinan

Berita@UTeM mengucapkan selamat pengantin baru kepada pasangan berikut yang telah melangsungkan perkahwinan baru-baru ini.

Honey Amalina binti Luqman UI-Hakim Ng dari Pusat Komputer bersama pasangannya **Mohamad Tahkim bin Salahudin** yang melangsungkan perkahwinan pada **12 Disember 2010**.

Suria Binti Abdul Rahman dari Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) bersama pasangannya **Khairul Muzani Bin Osman (HRD, Pejabat Pendaftar)** yang melangsungkan perkahwinan pada **31 Disember 2010**.

Noor Muhammad Afiq bin Ismail dari Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) bersama pasangannya **Nurzilawati binti Md Zin** yang melangsungkan perkahwinan pada **1 Januari 2011**.

Rozinah binti Yakop dari Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik (PPPA) bersama pasangannya **Abdul Halim bin Mohd Saad** yang melangsungkan perkahwinan pada **2 Januari 2011**.



Honey Amalina



Khairul Muzani & Suria



Noor Muhammad Afiq



Rozinah



AZRAI BIN ABDUL AZIZ
PEMBANTU TADBIR
PEJABAT PENDAFTAR

Azrai bin Abdul Aziz memulakan perkhidmatan di UTeM pada bulan Jan 2008 di Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM). Berasal dari Kampung Sebatu, Merlimau Melaka, bapa kepada seorang cahaya mata ini merupakan antara pengendali latihan yang berpengalaman luas.

Kesungguhan beliau sewaktu menjalankan tugas memudahkan perjalanan operasi latihan yang diadakan. Tugasan beliau mengelolakan pelbagai jenis latihan telah membawa beliau hampir ke serata pelusuk tanahair.

Beraksi sebagai penjaga gol untuk pasukan bola sepak Pendaftar, Azrai sememangnya disegani lawan. Prestasi cemerlang beliau menjaga gawang telah membantu pasukannya meraih banyak kejayaan dalam kejohanan yang diadakan di sini.

Bagi Azrai, keseronokan peserta mengikuti latihan anjuran BPSM merupakan satu kepuasan untuk dirinya.



SITI HAJAR BINTI ABDUL LATIFF
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Dilahirkan di Alor Gajah, Siti Hajar binti Abdul Latiff menyertai UTeM pada bulan Mac 2008 dan terus ditempatkan di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK). Seorang yang aktif di dalam bidang sukan, Siti Hajar merupakan atlet bola jaring yang telah mengharumkan nama universiti di beberapa edisi kejohanan bertaraf kebangsaan seperti di Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM).

Siti Hajar gemar membaca di waktu lapangnya. Ibu kepada seorang anak perempuan ini juga sering mengisi masa lapang dengan membuat pelbagai jenis kek. Tidak cukup dengan itu, Siti Hajar akan mencuba resipi kek baru yang didapatinya melalui internet.

Beliau yang menggemari masakan berlemak cili api amat gembira bekerja di samping warga FTMK yang sememangnya ceria dan akrab. Selain aktiviti staf, Siti Hajar juga sering melibatkan diri dengan program-program untuk pelajar FTMK.



Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob telah mengadakan lawatan kerja ke Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini. Ketibaan Tun Mohd Khalil Yaakob yang juga Canselor universiti ini telah disambut oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan bersama pegawai-pegawai kanan di Bangunan Canselori.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Naib Canselor, lawatan Tun Canselor adalah untuk melihat perkembangan pembangunan prasarana di Kampus Induk selain untuk mengetahui perancangan barisan pengurusan UTeM bagi tahun ini.

Lantaran itu, taklimat bersama pegawai-pegawai kanan universiti telah diadakan di mana Tun Canselor telah diberi penerangan mengenai prestasi serta perkembangan projek-projek pembangunan yang sedang berjalan. Selaku Canselor yang prihatin terhadap kemajuan universiti, Tun Mohd Khalil telah mencadangkan beberapa penambahbaikan agar setiap projek yang dilaksanakan mencapai sasaran yang ditetapkan.

TYT Tun Datuk Seri Utama Khalil Yaakob *adakan* Lawatan Kerja ke UTeM

Dalam pada itu, Pejabat Naib Canselor UTeM akan terus menjalinkan hubungan erat dengan Pejabat Tun Canselor melalui beberapa siri kunjungan hormat yang akan dijalankan nanti. Perkara tersebut dijelaskan oleh Ketua Penolong Pendaftar Pejabat Naib Canselor, Marsita binti Taib. Katanya lagi, siri kunjungan hormat ke Pejabat Tun Canselor akan dirangka bagi memastikan universiti ini bergerak seiring dengan hasrat dan pandangan Tun Canselor dalam menjadikan UTeM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan teknikal di peringkat yang lebih tinggi.



Seruan Mantan Perdana Menteri *jadi* Azimat Kepada 5,000 Belia

Tun Dr. Mahathir Mohamad mantan Perdana Menteri keempat sekali lagi hadir di Dewan Besar UTeM bagi menyampaikan hasrat dan pandangan beliau kepada generasi muda negara ini. Ketibaan beliau di Dewan Besar UTeM disambut dengan tepukan gemuruh lebih 5,000 hadirin yang sebahagian besarnya golongan pelajar dari institusi pengajian tinggi sekitar Melaka. Turut hadir peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dari beberapa kem sekitar Melaka dan Johor.

Menerusi ucapannya, Tun Mahathir menyeru generasi muda supaya menguasai ilmu pengetahuan agar hasrat untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 dapat dicapai dengan jayanya. Katanya lagi, generasi muda hari ini perlu mengenang dan berterima kasih kepada generasi terdahulu yang telah banyak berkorban demi kemajuan dan kemakmuran yang dinikmati sekarang.

Seterusnya Tun Mahathir mengingatkan golongan muda agar sentiasa cintakan tanahair dengan mengenang kembali sumbangan yang diberi oleh negara kepada mereka. Katanya, rakyat di beberapa negara lain melalui kehidupan yang sukar seperti kualiti pendidikan yang rendah, ekonomi yang tidak stabil dan makanan yang tidak mencukupi jika dibandingkan dengan rakyat Malaysia yang sangat bernasib baik.

Tun Dr. Mahathir berkata demikian ketika menyampaikan ceramah bertajuk "Anjakan Paradigma Generasi Muda Ke arah Pencapaian Wawasan 2020" anjuran Pertubuhan Belia Pemikir Muda. Hadir sama pada program itu Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Tun Mohd Khalil bin Yaakob yang juga Canselor UTeM.